# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3
# SOP SEKTOR SOSIAL (AKTIVITI PENGURUSAN JENAZAH BUKAN COVID-19)

## Merangkumi

- Semua kawasan kecuali yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.

## Aktiviti Yang Dibenarkan

Pengurusan Jenazah yang bukan disahkan positif COVID-19.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri.

| | |
|---|---|
| **Waktu Operasi** | **Waktu bersesuaian dengan keperluan pengurusan jenazah dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 3** |

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

**KAWALAN KAPASITI KEHADIRAN**

| AKTIVITI | JUMLAH INDIVIDU DIBENARKAN |
|---|---|
| Urus Jenazah (Memandikan dan Mengkafankan Jenazah) | 7 orang (waris dan pengurus jenazah). |
| Solat Jenazah | 12 orang dengan penjarakan. Waris yang lain boleh menunaikan Solat Jenazah Ghaib. |
| Solat Jenazah di Masjid | 50 % kapasiti ruang solat dengan penjarakan fizikal dan kehadiran Jemaah yang telah lengkap mendapatkan vaksin COVID-19. |
| Ziarah Jenazah | 12 orang pada satu-satu masa. |
| Di Tanah Perkuburan | 20 orang termasuk pengurusan pengkebumian dan waris. |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3
# SOP SEKTOR SOSIAL (AKTIVITI PENGURUSAN JENAZAH BUKAN COVID-19)

## Merangkumi

- Semua kawasan kecuali yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.

## Aktiviti Yang Dibenarkan

Pengurusan Jenazah yang bukan disahkan positif COVID-19.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri.

| | |
|---|---|
| **Waktu Operasi** | **Waktu bersesuaian dengan keperluan pengurusan jenazah dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 3** |

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **1) Kawalan Penularan dan Jangkitan** | • Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran tetamu;<br>• Tetamu yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka dengan penjarakan fizikal;<br>• Bersalaman, berpelukan dan bersentuhan adalah dilarang;<br>• Tetamu dilarang memeluk, menyentuh atau mencium jenazah. |
| **2) Kawalan dan Pengesanan** | • Individu yang bergejala, menghidap penyakit kronik dan sedang dalam kuarantin tidak dibenarkan hadir;<br>• Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar kawasan berkenaan. |
| **3) Pengurusan Jenazah** | • Pengurusan jenazah (mandi, kafan dan solat jenazah) boleh dilaksanakan di lokasi jenazah tersebut meninggal dunia, sama ada di hospital, di rumah atau di masjid/surau. |